



# **INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES**

2020





## INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

Copyright © 2020  
International Young Scholars Journal of  
Languages (IYSJL)  
Edu Hub Pagoh, Malaysia.

Copying of further publication of the contents of this work is not permitted without permission from IYSJL, except for limited “fair use” for educational scholarly, and similar purposes as authorized by Malaysia Copyright Law, in which appropriate notice of the source of work should be given. No responsibility contained in the text, illustrations or advertisement. The opinions expressed in the articles are not necessarily those of the Editor or the publisher.

### **PUBLISHER**

Kulliyyah of Languages & Management (KLM), International Islamic University Malaysia, Edu Hub Pagoh, 84600 JHR.  
Tel.: 06-9742601  
Fax: 06-9742655  
Email: [editor\\_iysjl@iium.edu.my](mailto:editor_iysjl@iium.edu.my)  
Website:  
[www.iium.edu.my/kulliyyah/klm/journals](http://www.iium.edu.my/kulliyyah/klm/journals)

### **EDITORIAL**

#### **EDITOR-IN-CHIEF**

Khairil Azwar Razali, PhD

#### **EDITORIAL BOARD**

Al Amirul Eimer Ramdzan Ali, PhD  
Julaina Nopiah, PhD  
Mohamad Suhaizi Suhaimi, PhD  
Nurul Jamilah Rosly, PhD

#### **PRODUCTION STAFF**

Mohamad Suhaizi Suhaimi, PhD  
Muhammad Hanif Naim  
Nur Saiful Amree Borahan

#### **WEBMASTER**

Muhammad Aqil Asraf Mohd Rosli

#### **EDITORIAL OFFICE**

Journal Division  
Office of the Dean,  
Kulliyyah of Languages & Management,  
Pagoh Edu Hub, 84600 JHR.



## INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

### Contents

#### Foreword

*Khairil Azwar Razali*

#### English Articles

Factors Affecting Willingness to Communicate in English Among Universiti Kebangsaan Malaysia Students

*Muhamad Faizal Salim and Al Amirul Eimer Ramdzan Ali*

A Study on Gender Differences in Emoji Usage

*Rawdhah Paiz*

University Students' Perceptions on Smiles from Strangers of Different Gender

*Nur Ameera Najihah Mohd Ghazalee and Khairil Azwar Razali*

#### Artikel Bahasa Malaysia

Analisis Deiksis dalam Novel 9 Nyawa: Satu Analisis Pragmatik

*Maryam Nabilah Alias dan Nurul Jamilah Rosly*

Kefahaman Makna Peribahasa dalam Kalangan Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh.

*Siti Humairah Abdul Rahaman dan Nora'Azian Nahar*

Peribahasa Melayu Berunsurkan Burung: Satu Analisis Semantik Inkuisitif

*Muhammad Nor Sahfiq Amran dan Julaina Nopiah*

Leksikal 'Ayam' dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif

*Eli Aima Shazila Amran dan Julaina Nopiah*

Percampuran Kod dalam Filem Paskal *The Movie*

*Nur Iliyani Natasha Abdul Halim dan Nora'Azian Nahar*

## **Arabic Articles**

The Difficulties and Challenges of Understanding Arabic Magazines among Students Majoring in Arabic for International Communication

*Muhammad Shafiq bin Shams al-Din and Salih Mahgoub Mohamed Eltingari*

Weakness in gathering information in writing scientific research for students Specialists in the Arabic language at the International Islamic University Malaysia: Problems and Solutions

*Shafiq Khairy bin Saadoun and Salih Mahgoub Mohamed Eltingari*



## INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

### Foreword

Welcome to the the International Young Scholars Journal of Languages 2020 (IYSJL 2020).

International Young Scholars Journal of Language (IYSJL) is an online, peer-reviewed biannual journal. The journal aims to provide an avenue for young scholars to publish their research work and to share their findings or insights with other young scholars, academicians and practitioners. The objective of this journal is to inspire undergraduate students to become prolific writers. The journal is published by the Kulliyyah of Languages and Management, International Islamic University Malaysia, Pagoh Campus.

This issue contains ten articles, written in English, Arabic and Bahasa Malaysia. The articles cover a wide range of topics related, but not limited, to communication. It starts with a study on factors affecting willingness to communicate in English (*Muhammad Faisal and Al Amirul*), followed by a study on gender differences in using emoji (*Rawdhah Paiz*), and perceptions on smiles from strangers of different gender (*Nur Ameera and Khairil Razali*).

As for articles written in Bahasa Malaysia, a pragmatic analysis has been done on Novel 9 Nyawa (*Maryam Nabilah and Nurul Jamilah*), followed by a study on the understanding of the meaning of Malay proverbs among the university's students (*Siti Humairah and Nora'Azian*), and a semantic analysis on the Malay proverbs on birds (*Muhammad Nor and Julaina*). There is another interesting study on the lexical *ayam* within the Malay proverbs (*Eli Aima and Julaina*), and finally a study on code switching in the Film Paskal The Movie (*Nur Iliyani & Nora'Azian*).

Articles written in Arabic are studies on the university's Arabic for International Communication students, where the first study explores the difficulties and challenges in understanding Arabic magazines (*Muhammad Shafiq and Salih Eltingari*), while the second study identifying problems in gathering information in writing scientific research, and further offering solutions to the problem (*Shafiq Khairy and Salih Eltingari*).

I hope that this issue would incite curiosity among the students of KLM IIUM, and would encourage you to further participate actively in academic research. I also hope you find this issue to be intriguing, thought-provoking, and useful in reaching new milestone.

I would like to express my gratitude to all contributors who have made this issue possible, as well as the reviewers for their professional contribution. Last but not least, my heartfelt gratitude to the Dean of KLM who has trusted me with the task of Editor.

*Jazakumullah khairan khatira. Barakallah.*

Chief Editor

Khairil Azwar Razali, PhD.  
[khairilrazali@iium.edu.my](mailto:khairilrazali@iium.edu.my)



## **Percampuran Kod dalam Filem Paskal *The Movie***

**Nur Iliyani Natasha Abdul Halim, Nora’Azian Nahar\***

*Kuliah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

\*Corresponding author email: [noraazian@iium.edu.my](mailto:noraazian@iium.edu.my)

---

### **ABSTRAK**

Percampuran kod merupakan fenomena kebahasaan yang telah melanda negara sejak dahulu lagi. Percampuran kod ini sering berlaku dalam kalangan penutur yang menuturkan lebih daripada satu bahasa ataupun dikenali sebagai masyarakat *multilingual*. Rakyat Malaysia merupakan rakyat yang mempunyai pelbagai bahasa kerana terdiri daripada berbilang bangsa dan agama. Bukan sahaja kepelbagaian bahasa malah terdapat juga kepelbagaian dialek daerah yang dituturkan oleh rakyat Malaysia. Melalui kepelbagaian ini menyebabkan berlakunya percampuran kod dalam pertuturan sehari-hari rakyat. Terdapat dua jenis percampuran kod, iaitu percampuran kod dalaman (*inner code-mixing*) dan juga percampuran kod luaran (*outer code-mixing*). Penggunaan percampuran kod secara berlebihan boleh mengakibatkan kedudukan bahasa Melayu tergugat. Jika dilihat pada hari ini, fenomena percampuran kod dalam filem menjadi perkara penting untuk diselitkan dalam dialog sesebuah filem sehingga terdapat filem atau drama yang dianggap keterlaluan menggunakan bahasa luar seperti bahasa Inggeris dalam sesebuah dialog. Hal ini boleh mengakibatkan mutu filem tempatan berkurangan dari segi penggunaan bahasanya. Kajian ini penting untuk melihat bagaimana bentuk dan fungsi percampuran kod itu berlaku berpandukan pendekatan yang dikemukakan oleh K.Kanthimathi (2007) dan juga Rodolfo Jacobson (2005). Kajian kualitatif ini dijalankan menggunakan kaedah kepustakaan, pemerhatian filem secara terus dan juga analisis transkripsi. Setelah dianalisis pengkaji mendapati bahawa setiap percampuran kod yang berlaku dalam filem Paskal *The Movie* mempunyai bentuk dan fungsinya tersendiri.

---

*Kata kunci:* campur kod, bentuk campur kod, fungsi campur kod, filem

### **PENDAHULUAN**

Bahasa ialah kebolehan semula jadi manusia yang merupakan satu sistem simbol bunyi arbitrari yang dipersetujui dan digunakan oleh sekelompok manusia untuk berkomunikasi. Oleh itu, kajian terhadap bahasa tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat penuturnya sebagai alat komunikasi.

Holmes (2002), berpendapat bahawa bahasa pertuturan biasanya bersifat tidak kekal dan hanya sementara. Di samping itu, tahap pendidikan, kerjaya dan jawatan seseorang dalam sesebuah komuniti dapat dilihat melalui bahasa atau pertuturan yang diucap. Hal ini menunjukkan bahawa pertuturan bukan sahaja menujukkan kehidupan sesebuah masyarakat malah mencerminkan penutur tersebut. Konsep bahasa tidak terhad kepada sifat bahasa yang membabitkan sistem linguistik sahaja, malah bahasa dan kaitannya bersama dengan masyarakat penutur merupakan hal yang harus diberikan perhatian.

Perkara 152 dalam Perlembagaan dengan jelas menyatakan bahawa bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia (Akta Bahasa Kebangsaan No. 1963/67, 2006). Hasil kewujudan masyarakat yang berbilang bangsa di Malaysia, menjadikan bahasa Melayu ini digunakan sebagai bahasa perpaduan rakyat. Oleh itu, rakyat sepatutnya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan ketika melakukan komunikasi. Selain itu, rakyat Malaysia terdiri daipada beberapa kaum utama. Setiap golongan tersebut memiliki kepelbagaian bahasa dan dialeknya tersendiri. Di samping itu juga, sebutan dan kosa kata mempunyai perbezaan ketara bagi setiap dialek. Oleh hal yang demikian, wujudnya variasi dalam bahasa yang membawa kepada percampuran bahasa. Kepelbagaian bahasa ini ditetapkan oleh beberapa jenis teknikal bahasa iaitu perbendaharaan kata, tatabahasa dan sebutan. Dialek merupakan antara kepelbagaian bahasa yang ada, misalnya di negeri Kedah rakyatnya memperoleh dialek pertuturan yang berlainan dengan dialek percakapan rakyat di negeri Kelantan. Di samping itu, bahasa Melayu turut melakukan pinjaman bahasa luar seperti bahasa Portugis, Hokkien, Sepanyol, Jawa, Arab dan bahasa-bahasa lain. Hal ini berlaku adalah kerana sifat bahasa Melayu itu sendiri terbuka dan fleksibel untuk melakukan proses penyerapan dan penyesuaian dengan bahasa asing.

## SOROTAN LITERATUR

### Campur Kod dalam Filem

Kajian oleh Mohd Syuhaidi et al., (2018), dalam kajian yang bertajuk Percampuran Kod Bahasa Di Dalam Filem: Satu Kajian Kualitatif Terhadap Filem J Revolusi (2017) arahan Zulkarnain Azhar dilaksanakan bagi mengkaji penggunaan percampuran bahasa luaran dan dalaman. Kaedah kualitatif dilihat lebih bersesuaian digunakan berbanding dengan kaedah kuantitatif dengan melakukan penelitian secara terperinci dan buku kodan.

Hasil penelitian daripada kajian tersebut didapati terdapat lebih daripada 160 penggunaan percampuran kod bahasa asing. Percampuran kod bahasa dalaman pula adalah rendah berbanding dengan bahasa asing iaitu kurang daripada 40 penggunaan percampuran kod bahasa dalaman. Dapatkan kajian ini jelas menunjukkan bahawa faktor sosial watak dalam filem J Revolusi ini menyebabkan berlakunya percampuran bahasa dalam filem tersebut. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya melihat dan menyenaraikan penggunaan percampuran kod dan tidak menerangkan lebih jelas faktor berlakunya fenomena tersebut, dan tidak menyatakan teori yang dijadikan rujukan untuk menentukan faktor-faktor yang dikaji. Oleh itu, banyak kelompongan yang boleh diisi dalam kajian ini oleh pengkaji-pengkaji lain seperti kajian yang dilakukan oleh pengkaji iaitu, dengan melihat secara terperinci tentang bentuk dan fungsi percampuran kod yang berlaku dalam filem.

### Campur Kod dalam Novel

Selain daripada filem, percampuran kod juga turut dikaji dalam novel. Antaranya seperti kajian daripada Noor Aida et al., (2016), dalam kajian mereka yang bertajuk “Hahaha... Cool Gila Kau Punya Acting Ariana...”Percampuran Kod Dalam Novel ‘The Wedding Breaker’. Tujuan kajian ini dijalankan bagi mengkaji percampuran kod bahasa asing dalam naskah tersebut. Analisis kajian ini menggunakan kerangka fungsi percampuran kod seperti yang dikemukakan oleh K. Kanthimathi (2007).

Melalui kajian ini didapati terdapat banyak percampuran kod bahasa asing dalam novel terbabit. Hasil penelitian, penggunaan percampuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris kerap dilakukan. Hal ini dapat dilihat dengan jelas penggunaan bahasa Inggeris yang dicampur dengan bahasa Melayu dalam penulisan novel tersebut. Penulis novel menggunakan percampuran kod dalam novelnya sebagai gambaran jelas berkenaan dengan karakter watak dan realiti sebenar masyarakat pada masa kini yang berkebolehan berkomunikasi dalam dua bahasa atau lebih. Kajian ini berlainan dengan kajian yang pengkaji jalankan. Kajian ini hanya memfokuskan percampuran kod luaran. Pengkaji mendapati kajian ini boleh ditambah baik dengan melihat fungsi percampuran kod secara meluas tidak kira percampuran kod secara luaran atau dalaman seperti kajian yang pengkaji jalankan ini.

### Campur Kod dalam Kehidupan Masyarakat

Corella, Chemaline, dan Siti Saniah (2017), telah menjalankan kajian yang bertajuk Faktor Campur Kod Dalam Kalangan Masyarakat Iban Di Sarawak. Objektif yang ditetapkan oleh pengkaji adalah untuk melihat faktor utama yang menyebabkan berlakunya percampuran bahasa dalam masyarakat Iban. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Bagi mendapatkan data kajian, pengkaji menggunakan kaedah rakaman dan soal selidik yang dilakukan dalam kalangan masyarakat Iban. Teori akronim ‘SPEAKING’ dalam komponen tutur oleh Hymes (1973) yang membawa maksud tertentu bagi setiap huruf, akronim tersebut diubah suai kepada akronim ‘KOMUNIKASI’, iaitu kecekapan, orang, minat, ungkapan, niat, implikasi, kefahaman mesej, amalan, situasi dan istilah digunakan untuk mengkaji situasi campur kod yang berlaku dalam kalangan masyarakat yang menjadi informan dalam kajian ini.

Melalui hasil rakaman, pengkaji mendapati aktiviti percampuran kod dalam kalangan masyarakat Iban dipengaruhi oleh tujuh faktor campur kod yang telah disenaraikan. Antara faktornya ialah faktor kecekapan berbahasa. Kesemua responden boleh bertutur dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Penguasaannya juga berada pada tahap yang baik. Oleh itu, penutur cenderung melakukan percampuran dua bahasa tersebut ketika berkomunikasi. Selain itu, antara faktor yang paling dominan adalah faktor implikasi pembelajaran. Hasil temu bual mendapati bahawa kebanyakan responden mempunyai latar belakang pendidikan yang baik, dalam pembelajaran bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, terdapat kelompongan yang boleh diisi di dalam kajian ini, pengkaji mendapati kajian ini hanya menumpukan terhadap faktor dominan. Kajian ini boleh diperluas dengan mengkaji faktor berlakunya percampuran kod daripada pelbagai aspek. Kajian ini mempunyai kelainan dengan kajian yang pengkaji lakukan. Hal ini demikian kerana, kajian yang pengkaji lakukan ini adalah dengan melihat percampuran kod dari segi bentuk percampuran dan fungsi percampuran kod dalam filem.

Hasil penelitian yang dilakukan berdasarkan kajian-kajian literatur dapat dilihat bahawa kajian berkaitan dengan percampuran kod ini telah banyak dikaji oleh penyelidik bahasa sebelum ini. Namun demikian, kajian yang berkaitan dengan filem tempatan jarang dilakukan dan kajian

terakhir yang dilakukan pada tahun 2018 iaitu kajian oleh Mohd Syuhaidi et al., dalam kajiannya yang bertajuk Percampuran Kod Bahasa Di Dalam Filem: Satu Kajian Kualitatif Terhadap Filem J Revolusi. Oleh itu, pengkaji mengambil peluang ini mengkaji percampuran kod dalam filem tempatan untuk menambahkan rujukan tentang kajian percampuran kod lagi. Hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini akan dapat dilihat dengan jelas trend percampuran kod yang semakin rancak digunakan dalam bidang perfileman di negara ini. Jesteru dengan adanya kajian-kajian percampuran kod ini dapat membantu pengkarya dan penulis-penulis skrip untuk lebih berhati-hati dalam menulis dan menerbitkan sesebuah filem agar dapat menjaga bahasa Melayu daripada tercemar oleh percampuran bahasa-bahasa lain secara berlebihan.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasi beberapa kaedah iaitu:

- 1) Kaedah Kepustakaan
  - Bahan bacaan
  - Laman sesawang
- 2) Pemerhatian filem
- 3) Analisis kandungan

Bagi objektif pertama, pengkaji telah menganalisis data dengan melihat percampuran kod yang berlaku dari segi kata pinjaman, pancangan frasa, dan ayat penuh. Analisis ini dilakukan dengan merujuk teori oleh Rodolfo Jacobson (2005). Setiap dialog ditranskripsikan bagi memudahkan analisis data dilakukan.

Seterusnya, objektif kedua, iaitu menganalisis fungsi penggunaan percampuran kod dalam filem Paskal *The Movie*, pengkaji telah menganalisis dengan merujuk pendekatan fungsi percampuran kod oleh Kanthimathi (2007). Penganalisan data dilakukan melalui pembahagian 5 fungsi yang dipilih bersesuaian dengan genre filem aksi.

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

### Bentuk Percampuran Kod Yang Berlaku Dalam Filem Paskal *The Movie*

Bahagian ini menghuraikan analisis dan dapatan kajian bagi objektif kajian yang pertama iaitu mengenal pasti bentuk percampuran kod yang berlaku dalam filem Paskal *The Movie*. Analisis dilakukan berdasarkan teori Rodolfo Jacobson (2005).

#### Bentuk Kata Pinjaman

Kaedah peminjaman perkataan daripada bahasa asing, telah menjadi kebiasaan dalam institusi bahasa. Hampir seluruh bahasa di dunia melakukan aktiviti peminjaman perkataan antara satu sama lain. Contohnya, bahasa Inggeris berkembang maju di seluruh dunia, hasil daripada penambahan perkataan-perkataan baharu melalui proses peminjaman di seluruh dunia. Bahasa Melayu juga turut melakukan aktiviti peminjaman perkataan bahasa-bahasa lain.

Jadual di bawah merupakan contoh campur kod kata pinjaman yang terdapat di dalam filem Paskal *The Movie*.

**Jadual 1 : Bentuk Kata Pinjaman**

<b>Contoh dialog</b>
“putuih legamen aku ni”
“dia kuat genetik pak dia <i>legend</i> ”
“Semua kru sudah diarahkan berlindung dalam <i>citadel</i> ”
“tidak semua kawan-kawan dan keluarga kamu faham akan kerja kita jadi anggap lah itu sebagai satu ibadah”

Jadual 1 di atas menunjukkan bentuk kata pinjaman yang terdapat dalam filem Paskal *The Movie*. Hasil pemerhatian didapati kebanyakan kata pinjaman yang terdapat dalam percampuran kod filem ini ialah kata pinjaman daripada bahasa Inggeris. Jadual 4.1 menunjukkan contoh percampuran kod kata pinjaman daripada bahasa Inggeris iaitu bagi perkataan legamen, genetik, dan kru. Menurut Campbell (2004), perlakuan pinjaman perkataan daripada bahasa asing (donor language) dan disesuaikan kepada bahasa penerima (recipient language) seterusnya, leksikal yang dipinjam tersebut menjadi sebahagian daripada kamus bahasa peminjam merupakan proses berlakunya kata pinjaman. Jika dilihat perkataan-perkataan seperti legamen dan genetik ini merupakan perkataan yang mempunyai laras bahasanya tersendiri seperti laras bahasa sains yang tiada istilahnya dalam bahasa Melayu. Bagi perkataan kru pula, pinjaman daripada perkataan bahasa Inggeris ‘crew’. Perkataan ini berlaku perubahan ejaan bersesuaian dengan leksikal bahasa Melayu. Seterusnya, bagi perkataan ibadah. Ibadah merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Arab. Oleh hal yang demikian, bahasa Melayu telah melakukan peminjaman leksikal bahasa Arab tersebut dengan melakukan pengekalan bunyi dan makna asal seperti kata doa, syarak, ilmu, dan taat. Berdasarkan S. Nathesan (1996), bahasa Melayu telah menerima pengaruh bahasa luar sejak 2000 tahun dahulu. Pengaruh ini bermula daripada bahasa Sanskrit, diikuti oleh bahasa Arab pada abad ke-11 dan sterusnya peminjaman bahasa Inggeris secara meluas. Oleh hal yang demikian, perkataan-perkataan dalam Jadual 1 jelas melihatkan percampuran kod yang berlaku dalam filem Paskal *The Movie* berdasarkan bentuk kata pinjaman.

**Bentuk Frasa**

Rangkai kata merupakan perkataan lain yang menjelaskan maksud frasa. Namun begitu, suatu rangkaian yang terdiri daripada dua patah kata atau lebih tidak semestinya merupakan frasa. Sepatah perkataaan yang boleh diperluas juga boleh dikategorikan sebagai frasa.

Jadual 2 di bawah menunjukkan campur kod bentuk frasa yang terdapat dalam filem Paskal *The Movie* :

**Jadual 2: Bentuk Frasa**

<b>Contoh Dialog</b>
“ok Tan Sri nanti saya <i>update</i> .”
<i>Team</i> saya sudah <i>ready</i> , Panglima.

Hasil penelitian seterusnya didapati percampuran kod dalam filem Paskal *The Movie* ini turut berlaku dalam bentuk frasa. Hal ini bertepatan dengan teori yang dikemukakan oleh Rodolfo Jacobson (2005), iaitu percampuran kod boleh didapati dalam bentuk frasa. Antara contoh percampuran kod frasa ialah

“ok Tan Sri nanti saya *update*”.

Bentuk campur kod pancangan frasa yang berlaku dalam ayat ini terletak pada predikat ayat iaitu ‘nanti saya update’ percampuran yang berlaku ini merupakan binaan frasa kerja yang menjadi penerang dalam ayat. Selain itu, bagi dialog tersebut :

“*Team* saya sudah *ready*, Panglima.”

Percampuran kod dalam ayat tersebut merupakan percampuran kod bentuk frasa nama yang berfungsi sebagai subjek dalam ayat iaitu ‘*Team* saya’ binaanya terdiri daripada inti + penerang nama. Oleh hal yang demikian, jelas menunjukkan dalam filem Paskal *The Movie* terdapat percampuran kod berbentuk frasa seperti yang diperkatakan oleh Rodolfo Jacobson (2005).

### **Bentuk Ayat penuh**

Za’ba (2006), menjelaskan maksud ayat iaitu himpunan susunan perkataan yang difahami maksudnya dan mempunyai awal dan akhir ayat yang boleh difahami oleh pembaca dan pendengar. Selain itu, Abdullah Hassan dan Ainan Mohd (2006), menyatakan bahawa ayat boleh sahaja terdiri daripada dua atau tiga perkataan dan tidak semestinya terdiri daripada rangkai kata yang banyak untuk menjadi sesebuah ayat.

Berikut merupakan campur kod bagi bentuk ayat penuh yang terdapat dalam filem Paskal *The Movie*:

Jadual 3 Bentuk Ayat Penuh

<b>Contoh dialog</b>
“Bunga Mas Lima crew <i>this is your captain, relieving LAUREL ELEVEN out of escort, back to Oman and then home.</i> ”
“ <i>This is Alpha Leader, copy!</i> ”
“Hǎo piàoliang?” (cantik tak?)
“Nǐ chuān piàoliang de yīfú” (kamu pakai apa pun cantik)
“Idhageyso” (dengar cakap saya).

Berdasarkan jadual 3 di atas, apabila diteliti dapat disimpulkan bahawa dalam filem Paskal *The Movie* ini, percampuran penggunaan bahasa lain dalam bentuk ayat penuh, sering kali digunakan. Dalam filem ini percakapan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya sering

dipertuturkan. Antara contoh dialognya ialah “Bunga Mas Lima crew this is your captain, relieving LAUREL ELEVEN out of escort, back to Oman and then home.” dan “This is Alpha Leader, copy!”. Jika dilihat dengan teliti percampuran kod bahasa Inggeris dalam filem ini digunakan sepenuhnya oleh tentera-tentera yang sedang bertugas. Hal ini berkemungkinan kerana perhubungan yang melibatkan tentera di peringkat antarabangsa menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa perhubungan utama mereka. Selain itu, berkemungkinan bahasa Inggeris ini juga telah diamalkan sejak mereka berada di dalam latihan ketenteraan. Oleh itu, penggunaanya diteruskan dalam dunia ketenteraan sebenar supaya komunikasi mudah difahami dan tahap ketersampaian makna berada pada tahap yang tertinggi. Seterusnya, penelitian daripada filem ini juga didapati terdapat beberapa percampuran kod luaran lain yang digunakan secara ayat penuh dalam dialog. Contohnya:

“Hǎo piàoliang?” (cantik tak ?

“Nǐ chuān piàoliang de yīfú” (kamu pakai apa pun cantik)

Contoh tersebut merupakan dialog percampuran bentuk ayat penuh dalam bahasa Mandarin yang dituturkan oleh Lily dan Joshua yang berbangsa Cina. Selain itu, penelitian sehingga minit ke-35 juga telah menunjukkan terdapat satu lagi percampuran kod luaran yang berlaku dalam filem Paskal *The Movie* ini. Percampuran kod bentuk ayat penuh ini berlaku dalam bahasa Somali yang dituturkan oleh lanun Somalia yang sedang giat merampas Kapal Bunga Mas 5. Berikut merupakan contoh dialog

“Idhageyso” (dengar cakap saya).

“Haa,Haa” ( baik, baik )

Berdasarkan contoh-contoh yang dikemukakan di atas jelas menujukkan terjadinya percampuran kod luaran yang digunakan secara ayat penuh dalam dialog filem Paskal *The Movie* seperti teori yang telah dikemukakan oleh Rodolfo Jacobson (2005).

### **Analisis Fungsi Penggunaan Percampuran Kod Yang Berlaku Dalam Filem Paskal The Movie**

Bahagian ini menghuraikan analisis dan dapatan kajian bagi objektif kajian yang kedua iaitu mengenal pasti fungsi percampuran kod yang berlaku dalam filem Paskal *The Movie*. Analisis dilakukan berdasarkan teori percampuran kod yang dihasilkan oleh K. Kanthimathi (2007).

#### **Fungsi Sikap**

Data kajian menunjukkan percampuran kod yang diklasifikasi sebagai fungsi sikap seperti Jadual 4:

Jadual 4: Fungsi Sikap

DATA	CONTOH DIALOG
------	---------------

FS 1	ok Tan Sri nanti saya <i>update</i> .
FS 2	Laftenan, kat sana malam. <i>Are you happy to fly ?</i>
FS 3	setakat nak tunjuk siapa <i>power</i>

Berdasarkan jadual di atas dapat dilihat setiap ayat tersebut merupakan percampuran daripada dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kekerapan percampuran bahasa Inggeris dilihat digunakan pada setiap ayat yang diungkapkan. Hal ini menunjukkan terjadinya perlakuan percampuran kod bahasa asing. Percampuran kod telah menjadi satu fenomena biasa dalam kalangan masyarakat di Malaysia pada hari ini. Perkataan-perkataan yang digunakan seperti FS 1 perkataan update (kemas kini), FS 2 *Are you happy to fly ?*, FS 3 bagi perkataan power menunjukkan sikap penutur terhadap bahasa. Perlakuan mencampuradukkan bahasa seperti bahasa Inggeris dan bahasa Melayu ini dianggap sofistikated dan lebih berkedudukan tinggi. Hal ini demikian kerana masyarakat meletakkan kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa yang mempunyai status yang tinggi. Majoriti individu berpendapat kebolehan seseorang berkomunikasi dalam bahasa Inggeris menjadi penyebab penutur dipandang tinggi oleh masyarakat. Selain itu, perbuatan mencampurkan kod ini juga turut menunjukkan status kehidupan penutur dan tahap pendidikan seseorang. Penutur yang mempunyai latar belakang kehidupan yang lebih baik cenderung menggunakan percampuran kod. Dalam filem Paskal, latar masyarakat filem ini terdiri daripada anggota-anggota tentera awam yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Oleh itu, filem ini banyak menggunakan percampuran kod dalam dialog mereka untuk menunjukkan status watak tersebut. Data FS 1 dan FS 2 dapat dilihat ayat yang diucapkan oleh seorang yang berpangkat komander. Watak tersebut lebih senang menggunakan perkataan update berbanding dalam bahasa Melayu ‘kemas kini’. Perkataan bahasa Inggeris jelas lebih ringkas dan padat untuk memudahkan penyampaian makna.

### Fungsi laras bahasa

Jadual 5 di bawah menunjukkan percampuran kod yang diklasifikasi sebagai fungsi laras bahasa.

Jadual 5 : Fungsi laras bahasa

DATA	CONTOH DIALOG
LB 1	Semua krew sudah diarahkan berlindung dalam citadel
LB 2	Kekal jarak <i>kill zone</i>
LB 3	aku rasa tak koyak la ni, putuih legamen aku ni, aku <i>scan</i> tak nampak pulak

Percampuran bahasa Melayu dengan bahasa asing dalam jadual di atas berfungsi sebagai laras bahasa. Laras bahasa mempunyai ciri linguistik iaitu penggunaan kata dalam sesuatu perkataan yang banyak menggunakan istilah khusus dan umum. Hal ini demikian kerana, sebilangan perkataan daripada beberapa bidang yang berlainan mempunyai istilahnya tersendiri. Sebagai

contoh teknologi maklumat, bidang kedoktoran dan bidang keagamaan masing-masing mempunyai istilah yang tersendiri ataupun istilah khusus bertujuan memberikan konsep dan maksud yang lebih jelas dan tepat. Dalam filem ini, terdapat beberapa laras bahasa yang digunakan. Data LB 1 menunjukkan penggunaan perkataan ‘citadel’ dalam dialog Paskal *The Movie*. Citadel merupakan istilah yang digunakan dalam bidang perkapalan yang merujuk satu bilik untuk krew kapal berlindung jika diserang lanun. Dalam bahasa Melayu tempat perlindungan dalam peperangan dikenali sebagai kubu. Namun, penggunaan perkataan kubu untuk menggantikan perkataan citadel tidak tepat oleh itu penggunaan khusus ini perlu digunakan dalam dialog filem Paskal *The Movie*. Seterusnya, bagi data LB 2 bagi perkataan *kill zone* pula menunjukkan terma yang digunakan dalam bidang ketenteraan. Istilah ini mudah difahami dan disebut oleh tentera-tentera dalam melaksanakan tugas mereka. Data LB 3 pula, menunjukkan penggunaan laras bahasa sains yang digunakan dalam filem. Perkataan yang digunakan ialah ligamen. Ligamen merujuk tisu yang menghubungkan tulang dengan tulang pada sendi supaya tidak mudah tergeliat. Jika penggunaannya ditukar ke dalam bahasa Melayu kemungkinan tahap kefahaman maksud ligamen itu berkurangan. Oleh itu, penggunaan laras bahasa dalam sesuatu dialog itu menyebabkan berlakunya percampuran kod dalam sesuatu dialog.

### Fungsi ekspresif

Jadual 6 di bawah menunjukkan percampuran kod yang diklasifikasi sebagai fungsi ekspresif.

Jadual 6 : Fungsi Ekspresif

DATA	CONTOH DIALOG
FE 1	wahh.. <i>Thank you</i>
FE 2	<i>Good job semua !</i>
FE 3	kalau korang tak nak boleh bagi alasan yang cukup kuat aku cadangkan korang semua <i>give up</i> saja lah, aku cakap <i>give up</i> !

Percampuran kod berdasarkan jadual di atas merupakan percampuran kod yang mempunyai fungsi ekspresif. Fungsi ini menggambarkan emosi watak-watak yang terdapat dalam filem Paskal *The Movie*. Emosi yang ditunjukkan menyebabkan berlakunya percampuran bahasa asing. Hal ini juga sering berlaku dalam perbualan harian masyarakat pada hari ini untuk menyampaikan emosi sama ada emosi gembira, marah ataupun sedih. Data FE 1 dan FE 2 masing-masing memberikan penegasan emosi yang gembira apabila menerima khabar gembira atau menerima sesuatu daripada orang lain. Ucapan ‘*Thank you*’ dalam bahasa Inggeris lebih menunjukkan keterujaan berbanding dalam bahasa Melayu ‘terima kasih’ yang diucap dengan penuh kelembutan bersesuaian dengan adab orang Melayu. Selain itu, bagi ayat ‘*good job semua*’, perkataan ini sering digunakan untuk memberikan pujian atas usaha orang lain menjayakan sesuatu perkara. Ayat dalam bahasa Inggeris sangat ringkas dan mudah diucapkan berbanding dalam bahasa Melayunya ‘usaha yang baik semua’. Data FE 3 iaitu penggunaan perkataan ‘*give up*’ dalam ayat tersebut menunjukkan ekspresi kemarahan oleh Tuan Maznan yang merupakan pelatih kem ketenteraan.

### KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil analisis dapatan kajian mendapati bahawa terdapat beberapa bentuk percampuran kod yang berlaku dalam filem Paskal *The Movie*. Antaranya ialah bentuk kata pinjaman dan bentuk frasa. Selain itu, percampuran kod yang berlaku dalam filem ini juga mempunyai fungsi-fungsinya tersendiri seperti fungsi sikap. Fungsi sikap ini menjadi fungsi utama berlakunya percampuran kod, diikuti fungsi laras bahasa, dan fungsi ekspresif.

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa bentuk percampuran kod yang berlaku di dalam filem yang menjadi pilihan pengkaji. Antara bentuknya ialah bentuk kata pinjaman. Kata pinjaman tersebut daripada kata pinjaman bahasa Inggeris ‘legamen’ dan bahasa Arab seperti perkataan ibadah. Kebiasaannya kata ini merupakan perkataan yang mempunyai laras bahasa yang tersendiri ataupun pinjaman kata yang mengekalkan bunyi namun mengalami perubahan ejaan bersetujuan dengan leksikal bahasa Melayu. Selain itu, bentuk percampuran kod dalam filem Paskal *The Movie* juga turut berlaku dalam bentuk frasa seperti frasa kerja dan juga frasa nama.

Seterusnya, fungsi utama yang dapat dikesan adalah fungsi sikap. Fungsi ini berpandukan sikap penutur untuk menutur dalam bahasa lain ataupun melakukan percampuran kod. Hal ini demikian kerana, anggapan percampuran bahasa itu melambangkan kehidupan yang lebih bergaya dan mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat. Seterusnya, percampuran kod yang berlaku dalam filem ini juga disebabkan fungsi laras bahasa. Terdapat penggunaan kata dalam bidang tertentu yang tidak mempunyai istilah tersendiri dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh penggunaan perkataan dalam bidang sains iaitu ‘legamen’. Selain itu, percampuran kod turut berlaku untuk menunjukkan ekspresi sesebuah watak dengan lebih menonjol

## RUJUKAN

- Abd. Aziz Itar. (2007). Filem, drama penyumbang bahasa rojak. Utusan Online. Dipetik daripada  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1129&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1129&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm)
- Abd. Aziz Itar. (2007). Filem, drama penyumbang bahasa rojak. Utusan Online. Dipetik daripada  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1129&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1129&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm)
- Ahmad Khair, Raminah, Nawi Ismail, Ton Ibrahim. (2014). *Tatabahasa Asas* (Edisi kedua). Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Akta 32 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. (Malaysia).
- Asmah Haji Omar. (1992). *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2007). Taksonomi Pertemuan Bahasa di Manakah Letaknya Bahasa Rojak?. Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Bahasa Rojak Kecelaruan Penggunaan Bahasa Melayu anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Bahasa Moden Malaysia. Kuala Lumpur,
- Campbell. ( 2004). *Historical Linguistics: An Introduction*. MIT Press.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Asas statistik penyelidikan*. Mc Graw Hill.
- Corella, Chimaline & Siti Saniah. (2017). Faktor Campur Kod Dalam Kalangan Masyarakat. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 108-115.

- Dayang Fatimah Awang Chuchu. (2007). *Code-Switching in A Multilingual Environment*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Faridah Nazir. (2003). *Campur kod dan alih kod: Suatu Analisis Sosiolinguistik dalam Pembelajaran Bahasa Melayu*. Universiti Putra Malaysia.
- Hamzah. (2010). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. 6(1).
- Hazlina Abdul Halim. (2012). Pengaruh Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam Strategi Penukaran Kod Bahasa Perancis. *GEMA Online: Journal of Language Studies*, 12(2), 693-709.
- Himawan Paratista (2008). *Memahami Film*. Homerian Pustaka.
- Holmes. (2000). *An Introduction to Sociolinguistics* (2nd ed.). Longman.
- Istiqomah Nur Zafira, Ali Mustofa & Mulyanto Widodo. (2018). *Penukaran kode dan Campur Kode Filem Surga Yang Tak Dirindukan 2 dan Implikasinya*. Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Lampung
- Kristina Dewi. (2019). *Jenis Bentuk Dan Faktor Penyebab Campur Kod Dalam Perbincangan Pengisi Acara ‘Ini Talkshow’ di Net Tv*. Universitas Sanata Dharma.
- Marasigan. (1983). *Code-switching and code-mixing in multilingual societies*. Singapore University press.
- Marcel Danesi. (2010). *Pengantar Memahami Semiotika Media*. Jalan Sutra.
- Mohd Hazri, Che Radiah & Muhd Zulkifli. (2017). Penggunaan Kata Pinjaman Arab dalam Puisi Melayu. *Jurnal Kemanusiaan*, Vol 15(2), 69-74. Dimuat turun daripada <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/259/235>
- Mohd Syuhaidi & Nor Audra. (2018). *Percampuran Kod Bahasa Di Dalam Filem: Satu Kajian Kualitatif Terhadap Filem J Revolusi* (2017). Faculty of Film, Theatre and Animation Universiti Teknologi MARA Selangor, Puncak Perdana kampus.
- Muhammad Ricky Adrean, Bukhari Daud, Kismullah. (2019). An Analysis of Code Mixing in Indonesian Movie *Cek Toko Sebelah*. *Research in English and Education (READ)*, 4(4), 147-154.
- Noor Aida, Nasariah Mansor & Faizah Ahmad. (2016). Hahaha... Cool Gila Kau Punya Acting Ariana...": Percampuran Kod Dalam Novel 'The Wedding Breaker'. *Journal of Education and Social Sciences*, 4(6).
- Octa Pratama Putra & Unpris Yastanti. (2018). Code-Switching and Code-Mixing In Critical Eleven Novel By Ika Natassa. *Journal of English Language Teaching*, 2(2).
- Paramasivam. (2005). Codeswitching among University Putra Malaysia Tamil Students: A Sosiolinguistic Perspective. Tesis Ph.D. Universiti Malaya.
- Paramasivam. (2017). Komunikasi Percampuran Kod Dalam Masyarakat Multilingual Di Malaysia. *Journal of Business and Social Development*, 5 (1), 36-48
- Patton, M. Q. (1990). Qualitative Evaluation and Research Methods (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- P. Balasubramaniam. (1987). *Malay Element in Spoken Discourse Among the Tamil Plantation Workers*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Peter Muysken. (2000). *A typology of codemixing*. Cambridge University Press.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Pearson Prentice Hall.
- Siti Rahimah, Raja Masittah, Normahdiah. (2014). *Kekeliruan Jati Diri Punca Bahasa Bercampur Aduk*. Universiti Putra Malaysia.
- Nur Iliyani & Nora'Azian (2020). Percampuran Kod dalam Filem Paskal The Movie. *International Young Scholars Journal of Languages*.

- Siti Rohmani, Amir Fuadi & Atikah Anindyarini. (2013). Analisis Peristiwa Alih Kode dan Campur Kode Pada Novel Negeri 5 Menara Karya Ahmad Fuadi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastera Indonesia*, Vol 2(2) .
- S. Natesan. (1996). Kata Pinjaman Tamil dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Makna. *Dewan Bahasa*, 40 (12), 1112-1126.
- Teo Kok Seong, (2006). Kerancuan dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 6(4), 697-712.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2007). Merealisasikam Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Negara Ketiga : Dasar dan Perlaksanaan, 301-314. Universiti Kebangsaan Malaysia.